

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2000/2001**

SEPTEMBER/OKTOBER 2000

RMT 552 – PENGURUSAN PROJEK I

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

1. Pembinaan sentiasa terdedah kepada prestasi keseluruhan ekonomi i.e. ia meningkat dengan cepat semasa keadaan ekonomi yang baik dan menunam semasa ekonomi mengalami kemerosotan. Bincangkan apakah sebabnya?

(25 markah)

2. Walaupun hanya menyumbangkan purata 4% kepada KDNK negara, sektor pembinaan adalah penting dan memainkan peranan yang besar sebagai penggerak ekonomi Malaysia. Bincangkan apakah faktor-faktor signifikan yang menyebabkan perkara ini?

(25 markah)

3. Sejak akhir tahun 80an hingga masa kini statistik menunjukkan bahawa kuantiti Ruang Komersil, Ruang Pejabat dan Rumah Kediaman yang ditawarkan di negara ini adalah jauh lebih besar dari kuantiti yang diminta. Namun begitu Harga bagi hartanah berkenaan tetap tinggi dan sentiasa meningkat. Fenomena ini menggambarkan seolah-olah “Hukum Permintaan” dan “Hukum Penawaran” tidak boleh dipakai dalam kes ini. Bincangkan.

(25 markah)

4. Langkah kerajaan meletakkan pembinaan dan harta tanah kedalam kategori "Sektor Tidak Produktif" telah menimbulkan masalah dari segi pembiayaan dan kewangan projek. Sesetengah pihak menganggap langkah berkenaan silap dan patut diubah. Apa pandangan anda dan berikan sebabnya?

(25 markah)

5. Salah satu faktor penting yang dikaitkan dengan kesukaran untuk mengawal prestasi pemaju (e.g. dari segi kualiti produk dan masa siap) ialah kaedah "Jual dan Bina" yang diamalkan sekarang. Orang ramai khususnya badan-badan pengguna mencadangkan supaya kaedah ini ditukar kepada kaedah "Bina dan Jual" supaya hak-hak pembeli lebih terjamin. Berikan alasan anda untuk menyokong atau menolak saranan berkenaan.

(25 markah)